



WARTA
U N I V E R S I T I
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

BIL : 2

OGOS 2004

ISSN : 1823-1438

MAJLIS KONVOKESYEN KEDUA

Sabtu 21 Ogos 2004

*M*ajlis Konvokesyen bagi menganugerahkan ijazah telah diadakan pada Hari Sabtu, 21 Ogos 2004 jam 8.00 pagi bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Canselor Universiti Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin D.K.N.S., D.M.N., D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), S.P.T.J., S.P.M.K. telah mempengerusikan Majlis Konvokesyen Kedua. Ijazah-ijazah yang telah dianugerahkan adalah lima ratus dua puluh sembilan ijazah Sarjana Muda.

TITAH UCAPAN CANSELOR

**DULI YANG MAHA MULIA TUANKU NAJIHAH BINTI ALMARHUM TUNKU BESAR
BURHANUDDIN D.K.N.S., D.M.N., D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), S.P.T.J., S.P.M.K.**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Beta bersyukur ke hadrat Allah subhana wataala kerana atas limpah kurnia dan izinNya jua Beta dapat bersama di majlis yang mulia ini. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w serta seluruh keluarga Baginda.

Tahniah dan syabas kepada para graduan kumpulan kedua Universiti ini. Tahniah dan syabas juga kepada pihak Pengurusan Universiti kerana berjaya mengadakan Majlis Konvokesyen Kedua ini yang sungguh bermakna ini. Tahniah juga Beta ucapkan kepada semua graduan yang menerima ijazah mereka pada hari ini.

Beta yakin, orang yang paling gembira pada majlis ini, selain daripada para graduan, ialah para ibu bapa. Oleh itu, Beta mengucapkan tahniah dan penghargaan yang tinggi kepada semua ibu bapa yang telah berkorban, dan berjaya mendidik anak mereka sehingga memperoleh ijazah pada hari ini.

Kepada para graduan, Beta menyeru supaya anda semua menghargai jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh ibu bapa anda. Penghargaan juga patut diberikan kepada kerajaan yang telah menyediakan peluang dan kemudahan yang membolehkan anda mendapat tempat dan seterusnya berjaya mendapat ijazah pilihan masing-masing. Dengan ijazah yang dianugerahkan, para graduan hendaklah menjadi warga negara yang sentiasa cintakan ilmu, berakhlak mulia, berdisiplin, berketrampilan, bersedia memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara, serta sentiasa berpegang kuat kepada ajaran agama.

Dari sudut pembangunan akademik Beta difahamkan, segala perancangan yang telah dibuat untuk tahun lepas telah berjalan lancar. Beberapa program yang dirancang seperti Ijazah Sarjana Muda Kaunseling

dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi telah mula menerima kumpulan pertama pelajar masing-masing pada tahun ini. Lebih membanggakan, KUIM kini telahpun menubuhkan Fakulti Sains dan Teknologi, yang mana Beta yakin akan dapat menyediakan program pengajian yang berdaya maju. Program pertama fakulti ini, iaitu program Sarjana Muda Sains (Bioteknologi Makanan) telah dimulakan tahun ini. Di samping itu, KUIM kini juga telah menubuhkan Pusat Tamhidi, dengan Program Tamhidi pertama, iaitu Program Persediaan Perubatan kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia untuk mengikuti pengajian dalam bidang perubatan pada sesi 2005/2006, di bawah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. Beta juga merasa gembira kerana satu lagi program profesional, iaitu Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan kumpulan pertama pelajar akan diambil pada tahun 2005. Program ini merupakan program dua pengkhususan yang ditawarkan serentak dan sepadu selama lima tahun yang akan melahirkan peguam sivil dan syariah.

Beta juga dimaklumkan, bahawa KUIM juga sedang mengkaji semula struktur dan kualiti program akademiknya termasuklah menilai semula program tiga tahun yang sedia ada, khususnya bagi menjadikan semua programnya sebagai program empat tahun, agar lebih berdaya saing dan lebih mantap lagi. Di samping usaha-usaha memperkukuh dan memantapkan lagi program sedia ada, Beta difahamkan beberapa program akademik lain juga sedang dirancangan, dan sebahagiannya akan dikemukakan untuk mendapat kelulusan tidak lama lagi.

Perkembangan ini amat menggembirakan beta dan beta mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak pengurusan Universiti, di atas kemajuan yang dicapai setakat ini.

Dengan bertambahnya bilangan fakulti, dan program akademik dalam berbagai-bagai bidang, beta rasa sudah sampai waktunya pihak kerajaan menimbangkan secara serius untuk menaik taraf Kolej Universiti Islam Malaysia kepada universiti sepenuhnya. Ini bagi memudahkan perancangan dan perkembangan universiti ini pada masa hadapan. Langkah ini juga, pada pandangan Beta, akan meningkatkan lagi imej pembangunan Islam di negara kita di kalangan masyarakat kita sendiri dan masyarakat Islam antarabangsa. Tambahan pula, penggunaan nama yang sedia ada kadang kala menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat, di mana KUIM disamakan dengan kolej-kolej Islam lain, terutamanya yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau kolej-kolej swasta.

Beta yakin, dalam tempoh terdekat, dengan usaha gigih dan komitmen semua pihak, Universiti ini akan muncul sebagai sebuah universiti yang unggul. Ini kerana, dalam tempoh lima tahun pertama penubuhannya, program pengajian telah berkembang dengan baik sehingga meliputi bidang-bidang seperti perubatan, sains dan teknologi, kaunseling, komunikasi, undang-undang serta perbankan dan kewangan Islam. Beta mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada KUIM, dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, di atas penubuhan dua fakulti baru iaitu Fakulti Sains dan Teknologi dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta sebuah Pusat Tamhidi. Dengan langkah dan perancangan yang sedang dijalankan oleh KUIM, beta percaya KUIM akan dapat mencapai matlamatnya.

Para hadirin,

Dengan bertambahnya program pengajian dan bilangan fakulti dan pusat, bermakna peluang pendidikan tinggi kepada anak-anak kita bertambah dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan juga dapat dipelbagaikan. Menerusi hasil kajian yang dilakukan oleh ahli akademik, ia boleh dijadikan asas dan panduan kepada pihak berkenaan untuk merancang pembangunan negara dengan lebih pesat lagi. Di samping program-program sarjana muda, Universiti ini juga telah menawarkan program Sarjana dan

Doktor Falsafah. Program ini telah menarik bukan sahaja pelajar tempatan, tetapi juga pelajar-pelajar dari luar negara. Walau bagaimanapun, beta berharap usaha lebih kreatif dan inovatif dapat dilakukan bagi meningkat dan mempelbagaikan lagi program akademik, bagi menyediakan program pengajian yang lebih berkualiti dan menarik, sesuai dengan hasrat KUIM untuk menjadi pusat ilmu dan penyelidikan yang terkemuka pada masa hadapan, terutama dalam penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan keislaman.

Selain itu, Beta berharap Universiti ini boleh membantu negara melaksanakan program pembangunan Islam secara lebih berkesan lagi. Konsep Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan sekarang perlu disokong oleh semua pihak. Beta yakin Universiti ini khususnya, boleh memberi sumbangan kepada pelaksanaan pendekatan tersebut. Beta juga yakin, konsep Islam Hadhari ini boleh membawa Malaysia ke tahap kemajuan yang lebih pesat dan bermakna. Pengurusan negara akan menjadi lebih cekap dan bersih, pembangunan Islam menjadi lebih konstruktif dan progresif, pendidikan dapat diberi kepada semua lapisan masyarakat, keadilan sosial dan nilai akhlak dapat ditegakkan dan dengan itu kehidupan rakyat akan menjadi lebih terjamin dan harmoni.

Penubuhan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi secara berasingan baru-baru ini membuktikan perhatian serius kerajaan terhadap kepentingan pendidikan untuk rakyat yang menjadi asas kepada kemajuan yang lebih menyeluruh. Oleh itu, KUIM mesti mengambil peluang ini untuk muncul sebagai sebuah universiti cemerlang, gemilang dan terbilang dalam tempoh terdekat. Dengan usaha gigih yang diambil dan perancangan yang sedang dilakukan oleh KUIM, beta yakin matlamat ini akan dapat dicapai.

Akhirnya, Beta berharap supaya semua graduan KUIM yang bakal keluar ke dalam masyarakat akan memainkan peranan secara aktif untuk memastikan konsep Islam Hadhari dilaksanakan dengan penuh bijaksana. Beta ingin melihat negara ini mencapai

kemajuan dan pembangunan rohani dan material yang lebih pesat lagi, dan pada masa yang sama, semua lapisan masyarakat mendapat nikmat daripada pembangunan yang dicapai. Dengan demikian, Islam akan dilihat sebagai satu agama rahmat dan cara hidup progresif, dan umat Islam pula boleh muncul sebagai umat contoh dan terbaik.

Sekian sahaja, tahniah dan terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية والسلام
عليكم ورحمة الله وبركاته

UCAPAN REKTOR

YANG BERBAHAGIA PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan Darul Khusus, Canselor Kolej Universiti Islam Malaysia.

Pertama-tama patik bagi pihak KUIM merafak sembah dan menjunjung kasih atas perkenan Tuanku berangkat ke majlis yang indah permai ini bagi menyampaikan titah ucapan dan seterusnya menganugerahkan ijazah-ijazah kepada para graduan sempena Majlis Konvokesyen Kedua KUIM pada pagi ini. Semoga dengan keberangkatan Tuanku majlis ini akan bertambah berseri dan meriah lagi.

Ampun Tuanku,
Patik ingin memohon perkenan Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin dan hadirat sekalian.

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Hassan Said
Mewakili Menteri Pengajian Tinggi

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor,
Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam Malaysia.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah
Kolej Universiti Islam Malaysia

Naib-naib Canselor dan Rektor-rektor IPTA atau wakil-wakil.

Yang Berbahagia Tan Sri, Puan Sri, Dato' dan Datin,

Para tetamu jemputan,

Para pensyarah,

Para Ibu Bapa, dan

Para graduan yang dihormati sekalian.

Pagi ini kita menyaksikan Majlis Konvokesyen Kedua KUIM di dewan yang sungguh indah ini. Pertama-tama sekali saya mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka. Semoga dengan kejayaan anda memperolehi ijazah pada pagi ini akan membuka lembaran baru dalam kehidupan saudara saudari sekalian.

Majlis penyampaian ijazah pada pagi ini bukanlah merupakan titik noktah kepada usaha mencari dan menambah ilmu pengetahuan, tetapi merupakan garis mula untuk terus bersaing dan maju ke hadapan dengan mengharungi pelbagai cabaran sebelum kejayaan dan kecemerlangan hakiki dapat dicapai. Sungguhpun sekeping ijazah yang telah diperolehi membolehkan saudara saudari mendapat peluang dan pengiktirafan dalam bidang kerjaya, tetapi untuk diterima oleh masyarakat dan terus maju dalam berbagai-bagai bidang, memerlukan saudara saudari memiliki sikap untuk terus belajar dan memperbaiki apa yang ada atau yang telah dicapai.

Sejak mula beroperasi pada tahun 2000, universiti ini sentiasa memikir dan mengambil langkah untuk meningkatkan keupayaan pelajar-pelajarnya untuk terus bersaing dengan pelajar-pelajar daripada institusi lain, sama ada menerusi aktiviti akademik atau bukan akademik, di samping meneroka program-program baru, bagi memenuhi keperluan negara, dan menyediakan peluang tambahan kepada para lulusan sekolah-sekolah di seluruh negara.

Ini terbukti dengan penawaran program baru pada sesi 2004/2005 iaitu, Program Sarjana Muda Komunikasi dan Sarjana Muda Kaunseling di bawah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, dan Program Sarjana Muda Sains dalam bidang bioteknologi makanan di bawah Fakulti Sains dan Teknologi yang baru. Pada sesi ini juga, KUIM memulakan Program Tamhidi atau persediaan bagi Program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri di bawah Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang akan memulakan programnya pada sesi 2005/2006. Di samping itu, satu lagi program baru yang telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan akan mengambil pelajar-pelajarnya pada tahun 2005 ialah Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang, iaitu program *double-major* (dwi-pengkhususan) yang bertaraf profesional. Selain daripada program-program akademik yang telah diluluskan atau dilaksanakan, beberapa program baru akan dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dalam waktu terdekat untuk mendapatkan kelulusan.

Di samping merancang program baru, KUIM akan terus meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta memperbaiki dari semasa ke semasa mutu penyelidikan yang dijalankan oleh para pensyarahnya. Langkah pengukuhan terhadap program pengajian sedia ada akan terus dilaksanakan dan dimantapkan, terutamanya menerusi peningkatan penguasaan dua bahasa antarabangsa iaitu bahasa Arab dan Inggeris, dan penyemakan kurikulum, di samping mempertingkatkan lagi kemahiran berkomunikasi dan ICT di kalangan mahasiswa dan mahasiswi. Segala usaha yang dilakukan adalah sesuai dengan tekad universiti ini untuk menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan yang

menggabungkan ilmu naqli dan aqli bagi memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Hasrat melahirkan para graduan berkualiti akan berhasil dengan adanya komitmen dan dedikasi tenaga pengajar dan sikap positif dan ingin maju di kalangan para pelajar sendiri. KUIM telah mencapai beberapa kejayaan yang dapat dibanggakan hasil daripada sikap dedikasi dan kerjasama ahli akademik dan kakitangan pentadbiran dan pengurusan KUIM yang padu. Saya berharap kerjasama yang padu ini dapat diteruskan, dan dipertingkatkan, agar perancangan KUIM untuk menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi yang tersohor dapat dicapai sepenuhnya.

Perancangan akademik yang telah dan akan diambil oleh KUIM, adalah selaras dengan falsafah KUIM, bagi melahirkan lulusan yang mempunyai kedua-dua ilmu ukhrawi dan duniawi, dan para ilmuan Islam yang berpandangan luas, dan memahami persekitaran kehidupan yang sentiasa berubah, dan cabaran global, di samping mengeluarkan golongan profesional dalam pelbagai bidang yang bertunjangkan akidah yang kukuh, dan nilai akhlak yang mulia. Pendekatan ini diharapkan akan dapat menyumbang ke arah mewujudkan sebuah masyarakat progresif, dinamik dan bersih, yang seterusnya membangunkan sebuah masyarakat yang maju dan terkehadapan dalam semua bidang, sesuai dengan tuntutan agama Islam.

Dengan langkah peningkatan kualiti program pengajian yang berterusan, dan penggunaan bahasa Arab dan Inggeris dalam bidang pengajaran dan penyelidikan, KUIM berharap akan dapat menarik lebih ramai pelajar pra-siswazah dan siswazah dari luar negara, untuk mengikuti kursus dan menjalankan penyelidikan di KUIM. Hasrat KUIM ialah untuk menjadikan institusi ini sebuah pusat pengajian dan penyelidikan Islam, termasuk bidang profesional berteraskan falsafah pendidikan Islam, yang dikenali dan dihormati, bukan sahaja di kalangan pelajar dan masyarakat tempatan, tetapi juga pada peringkat

antarabangsa. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara Islam contoh yang menyediakan kemudahan pendidikan dan kepakaran dalam berbagai-bagai bidang ilmu dan penyelidikan. Matlamat unggul ialah bagi menjadikan KUIM pusat ilmu yang akan menarik bukan sahaja pelajar-pelajar Malaysia tetapi juga pelajar-pelajar luar negara, terutama dari negara-negara Islam lain.

Bagi mencapai sasaran dan matlamat untuk menjadikan KUIM sebagai sebuah institusi unik yang terkehadapan, KUIM pada masa ini sedang menyediakan Perancangan Strategik 2005 - 2015 yang baru dengan menyemak perancangan sedia ada dengan tujuan memperkemas lagi serta mengambil kira perkembangan baru pada peringkat nasional dan global serta perancangan jangka panjang KUIM. Antara strategi dan langkah yang akan diambil oleh KUIM ialah meningkatkan hubungan kerjasama dengan universiti-universiti luar negara yang terkenal dalam bidang akademik dan

penyelidikan, perancangan penubuhan fakulti dan penerokaan program baru dalam bidang yang diperlukan, perlantikan profesor pelawat dan penilai luar, penubuhan program baru yang mengambilkira aspek-aspek pengukuhan bidang ilmu dan kemahiran, kebolehpasaran dan pengantarabangsaan. Langkah-langkah ini akan disokong dengan program latihan tenaga pengajar baru yang berkelayakan dan berkualiti serta program latihan peningkatan keupayaan secara berterusan di kalangan kakitangan KUIM sedia ada.

Akhir sekali saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua graduan dan berdoa semoga kita semua dipelihara oleh Allah S.W.T. Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام
عليكم ورحمة الله وبركاته

UCAPAN TAHNIAH WAKIL GRADUAN WAN MOHD FAZRUL AZDI WAN RAZALI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله رب العالمين، والصلاة
والسلام على أشرف الأنبياء والمر
سلين، وعلى آله وصحبه ومن هج
هجه إلى يوم الدين، أما بعد:

Mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin, Tuanku Canselor

Ampun Tuanku,
Memulakan kata, patik bagi pihak rakan-rakan

graduan Kolej Universiti Islam Malaysia pada pagi yang bersejarah ini, menyembahkan junjungan kasih di atas kesudian Duli Tuanku mencemar duli menganugerahkan ijazah kepada patik sekelian. Sesungguhnya patik percaya di bawah naungan Duli Tuanku KUIM sentiasa terus berjaya melahirkan graduan yang berdisiplin, berilmu dan bertakwa. InsyaAllah patik sekelian berjanji tidak akan sama sekali mengkhianati ilmu yang diperolehi sepanjang pengajian di KUIM malahan akan terus memanfaatkan ilmu itu untuk kesejahteraan ummah.

Ampun Tuanku,
Patik mohon perkenan Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada sidang hadirin dan juga rakan-rakan patik dalam Dewan yang mulia ini, Ampun Tuanku.

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor,
Pengerusi Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam
Malaysia.

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Hassan Said,
Mewakili Menteri Pengajian Tinggi

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj.
Husin, Rektor Universiti KUIM;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Kolej Universiti Islam
Malaysia;

Naib-naib Canselor dan Rektor Universiti Tempatan

Naib-naib Canselor dan Rektor Universiti Luar Negara

Wakil-wakil Universiti

Ahli-ahli Senat KUIM

Pensyarah-pensyarah, ibubapa yang dikasihi, dan
rakan-rakan graduan KUIM.

Ayahanda dan bonda sekalian;

Seterusnya hadirin hadirat sekalian

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
dan Selamat Sejahtera.

Kesyukuran yang tidak terhingga dipanjatkan kepada
Allah subhana wataala di atas limpah kurnianya yang
menghimpunkan kita semua di dalam dewan yang
serba indah ini sempena Majlis Konvokesyen Kedua
Kolej Universiti Islam Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pertama sekali, saya mengucapkan jutaan terima
kasih kepada Kerajaan Malaysia yang telah
menyediakan sistem pendidikan yang membolehkan
kami generasi muda menimba ilmu dan menyambung
pengajian kami di KUIM.

Pada kesempatan ini, saya mengambil peluang
mewakili para graduan untuk mengucapkan jutaan
terima kasih kepada Kolej Universiti Islam Malaysia,
tempat saya dan rakan-rakan lain menadahi ilmu
terutamanya Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor, Rektor
KUIM yang kami anggap umpama Ayahanda kami
sendiri, para pegawai kanan universiti, kakitangan dan
juga para Dekan yang dikasihi.

Tidak lupa juga kepada para pensyarah yang tidak
jemu-jemu mencurahkan ilmu dan mendidik kami
sepanjang kami berada di KUIM. Restuilah ilmu yang
kami terima. Tidak mungkin pepohon dapat tumbuh
dengan baik tanpa air, begitu juga tidak mungkin kami
diberkati tanpa renjisan restu para pensyarah dan
guru-guru kami.

Kenangan indah kami menggenggam segulung ijazah
pada hari ini, kami abadikan buat ayahanda dan
bonda tercinta. Iringan doa kalian menghadaikan
kejayaan buat kami. Ribuan ringgit yang dikeluarkan
oleh ayahanda dan bonda mungkin tidak terganti oleh
kami, tetapi segulung ijazah ini menjadi ganti dan bukti
bahawa kami tidak mensia-siakan harapan yang
menggantung tinggi. Terima kasih ayahanda dan
bonda.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, ijazah yang
digenggam hari ini bukanlah sekadar untuk menjadi
hiasan dinding, tetapi berbaktilah untuk
membangunkan anak bangsa sesuai dengan ijazah
yang dimiliki. Kejayaan yang perit untuk dicapai,
jangan dicemarkan dengan sikap kita yang tidak
mampu memberi sumbangan kepada agama dan
negara.

أَيُّهَا الْحَفَلُ الْكَرِيمُ
ويسرني أن أعبر عن مشاعري في
هذا الحفل الكريم أن وجودنا في
رحاب جامعة العلوم الإسلامية
بماليزيا كان فرصة طيبة لإصلاح
النفس وتزيينها بالعلم والأخلاق.
وتدبروا قول الشاعر حين قال: "ليس

الجمال بأثواب تزينك # إن الجمال
 جمال العلم والأدب". وزمن العولمة
 الآن في أشد حاجة إلى علماء وخبراء
 أكفاء الذين يقدرون على رفع مكانة
 الأمة الإسلامية في مجالات شتى. ونحن
 نخرجو هذه الجامعة - إن شاء الله -
 سنظهر قدرتنا على تحقيق هذا الهدف
 الجليل لديننا الحنيف أولا وللوطن ثانيا
 وللعالم أجمع.

Ladies and Gentlemen,

Success does not come easily. Success results from enthusiasm, sacrifice and real struggle. The sweetness of success can only be experienced by those who really make the required effort. Perhaps our humble achievement will become a source of inspiration for others.

Sekian dahulu ucapan saya,

وبالله التوفيق والهداية والسلام
 عليكم ورحمة الله وبركاته

SARJANA MUDA DA'WAH DAN PENGURUSAN ISLAM DENGAN KEPUJIAN

KELAS PERTAMA

WAN MOHD FAZRUL AZDI BIN WAN RAZALI

KELAS KEDUA BAHAGIAN ATAS

AMINAH BINTI YUSOF
 ANISMAZINI BINTI MOHD ZIN
 ARMIWATI BINTI MOHAMED YASIN
 ASNUROL AZENY BINTI AZIZ
 ASRANIZA BINTI ABD RAZAK
 AZRILHAIRI BIN AHMAD
 BALQIS BINTI ABDUL WAHID
 DARNAWATI BINTI MOHAMED
 FAIEZAH BINTI ABBAS
 FARIDAH BINTI MAT ALI
 HAFIZAN BINTI MAHASSAN
 HANIT BIN OSMAN
 HAZRINA BINTI ABDUL HAMID
 KHAIRINI BINTI ABU
 KHAIRUL BARIAH BINTI ISMAIL
 MASITA BINTI ABD WAHAB

MOHAMAD ISA BIN AMAT
 MOHD AZMAN BIN AWANG ALI
 MUNIRAH BINTI HAMID @ ABDUL HAMID
 NOR AFNI BINTI CIK SULAIMAN
 NOR AKMAL HAYATI BINTI ABDULLAH
 NOR ASMANIZA BINTI ABDUL AZIZ
 NOR HAYATI BINTI CHE AB GHANI
 NORHASLINDA BINTI HAMZAH
 NORHAYATI BINTI OTHMAN
 NOR KAMARUL KALAM BIN ZULKIFLI
 NORRIZZIAN BINTI DIN
 NUR ALIAH BINTI ABDULLAH
 NUR HANA BINTI ABDUL LATIF
 RIHAN BINTI MAT SALLEH
 ROHASLINA BINTI MOHAMAD
 ROSLIZA BINTI GHAZALI

RUHAIZAH @ MUJAHIDAH BINTI SARUN
RUS MARINA BINTI MOHD YUSOF
SITI FATIMAH BINTI SEMAN
SITI RAFIDAH BINTI MAT SEHAT
SITI SARAH BINTI ABDUL RASHID

SURAITI BINTI MAT AIL
SURIYA BT MAT JUSOF
SYAZA ZAHRINA BINTI RAMLI
WAN ZULAIDAH BINTI WAN HAMAT
ZUBAYDAH BINTI HUSSAIN

KELAS KEDUA BAHAGIAN BAWAH

AHMAD TARMIZI BIN ISMAIL
AIDA RUHANA BINTI ABDUL HASHIM
ANISAH BINTI NAWANG
ASMAHAM BINTI IBRAHIM
ASMAHANI BINTI ARIFIN
ASMAWATI BINTI OTHMAN
ASRIMAH BINTI ASMA
AZIZAH BINTI MD KASAH
AZLINDA BINTI AZIZ
AZLINDA BINTI RAZLAN
AZRANEE BIN ABDULLAH
AZREN BINTI CHE OTHMAN
AZUWANI BINTI MOHAMED RAMLAI
BAKRI BIN IBRAHIM
BASHIROH BT ABDULLAH
BASYIRAH BINTI NARUDIN
FADLINA BINTI ISMAIL @ MOHD MOKHTAR
FAHRUZZIHAN BIN ABU MANSOR
FATIMAH BINTI HAJI RAMLI
FAZILAWATI BT MOHD
HALIMAH BINTI JUSOH
HALIZA BINTI AHMAD
HASHIM BIN JOHARI
HASLIZA BINTI GHAZALI
HASNAH BINTI IBRAHIM
HASNI BINTI ISMAIL
HAZIAH BINTI ISHAK @ HASSAN
HIZRIN BINTI MUKHTAR
HUSNA BINTI MOHD BAKI
IDA HAYANI BINTI MOHAMED IDRIS
ISNAWATI BINTI ISMAIL @ ARIFFIN
JAMILAH BINTI SAUD
JUNAIDAH BINTI MOHAMED
KAMARIAH BT SALLEH
KASMAINI BINTI MOHAMAD
KHAIRATU SAADAH BINTI SEMAN
LAILA BINTI YASSIN
MAIZALINDA BINTI MAT DAHAM

MAIZURAWATIE BINTI MAT SOUD
MARIAM BINTI YAKOB
MAS INTAN BINTI MD RODZI
MASLINA BINTI SHAMSUDIN
MAZENI BINTI YAACOB
MAZRIANA BINTI MOHD NAWI
MIMI HASLIZA BINTI ARIFFIN
MOHD AMARULLAH BIN IBRAHIM
MOHD ARIF BIN MOHAMMAD
MOHD FADZLI BIN MOHAMAD
MOHD FARHAN BIN ABU AMIN
MOHD NAZRI BIN HASHIM
MOHD RIDZUAN BIN ABDULLAH
MOHD RIZUAN BIN ISHAK
MOHD SAYUTI BIN RANI
MOHD ZAIDI BIN MUHAMMAD
MUHAMAD BIN HUSSIN
MUHAMMAD SHAHRIL BIN MOHD NOR
MUSMAZIELAWATI BINTI MUSTAPAI
NAJIBAH BINTI AS'ARI
NAZUL BT ABDULLAH
NIK NUREDAYU BINTI NIK HASSAN
NIK RUSLIH BINTI AHMD ROSHADI
NOOR HASANA BINTI ZAINAL ABIDIN
NOOR HASLINDA BINTI MAT RIPIN
NOOR MAZNI BINTI JUSOH
NOOR ZAHRANI BINTI JUSOH
NOORUL AINI BINTI MAT HUSSIN
NOORZARINA BINTI ABDULLAH
NOR 'AZIRA BINTI MD YUSOF
NOR AINI BINTI RAMLI
NOR AISHAH BINTI ABDUL HAMID
NOR FARIZAHANI BINTI MD SAAD
NOR JASMI BINTI ABU HASSAN
NOR RIZAN BINTI GHANI
NORAINI BINTI AWANG KECHIK
NORAINI BINTI MOHD NOOR
NORAINI BINTI OTHMAN

NORHAYATI BINTI MOHAMAD NORDIN
NORHAZIMA BINTI AWANG
NORIZAN BINTI BAKAR
NORIZAN BINTI MAMAT
NORIZATUL DAHLIA BINTI MOHD NOR
NORIZAWANI BT MAMAT
NORLIZA BINTI ISMAIL
NORMAWATI BINTI LUDIN
NORROSLAIMI BINTI MOHAMED
NORSANIZA BINTI MD SAID
NORWASUPIAH BINTI AWANG
NORZIHAN BINTI MD AB PATAH
NORZURAIHAH BINTI JALALUDDIN
NUROL SHUHADA BINTI MUKHTAR
NURUL AZRA BINTI HJ MOHAMED ISMAIL
NURUL FATHIYAH BINTI GHAZALI
NURUL KAMAL BIN JAFFAR SIDEK
NUURUSSAKINAH BINTI AHMAD TERMIZI
RABIAH ADAWIAH BINTI IBRAHIM
RAIHAN BINTI MUKHTAR
RASHIDAH BINTI MOHD NOOR
ROHANI BINTI WAN EMBUN
ROHAYATI BINTI ARIFIN
ROSAIDA BINTI RAMLY
ROSDIAYU BINTI AB GHADIN
ROSEZATI BINTI RAMLI
ROSLI BIN ABDULLAH
ROSLILI BINTI SHAI BUDING
ROSMARIA BINTI IDRIS
ROZITA BINTI JUSOH @ YUSOF
RUSHAMDA BINTI HAMAT
RUZANA BINTI OMAR

RUZNITA BINTI OMAR
SAIDAH BINTI IBRAHIM
SAKINAH BINTI ISMAIL
SAMSIRUS BINTI ARSHAD
SARIFAH NOR BINTI AWANG
SHARIFAH NADIA BINTI ASMUNI
SITI FATIMAH BINTI KARIM
SITI FIZA BINTI YAHAYA
SITI HASNAH BT KURMAN
SITI NOR ALAMI BINTI YUSOFF
SITI NORAI DAH BINTI ABD GHANI
SITI ROHAYU BINTI MD HASSAN
SITI SALWANI BINTI ABD RAHAMAN
SITI SUHAIZA BINTI SEMAN
SITI ZAIHERA BINTI DERIS
SITI ZAINAB BINTI ABDUL HAMID
SITI ZALEHA BINTI MD YUSOF
SITI ZALEHA BINTI RAZALI
SUHANA BINTI KERIYA
SURAIYA HANIM BINTI MOHAMED DAUD
SURANA BINTI ISMAIL
SURIATI BINTI HAIRUN
SYAFIRULHAFIZAN BIN HASHIM
WAN AISHAH BINTI IBRAHIM @ WAN YUSOFF
WAN NORLIANA BINTI WAN ALI
WAN ROSNI BINTI WAN MESUJI
ZAHARI BIN CHE ZAKARIA
ZALINA BINTI MOHAMED NAWI
ZAMZUFAIRI BIN MAT NAWI
ZAWANI BINTI MUHAMMAD
ZAWAWI BIN MOHAMAD
ZURAIDA BINTI AB MANAF

KELAS KETIGA

CHE HASNIWATI BINTI CHE AWANG
FARHAN BINTI YUSOF
HASIDA BINTI AWANG @ YAAKUB
MADIINA BINTI MUHAMAD
MOHD BALQINEE BIN MUSA
MOHD SUKARNO BIN SAIDI
NIK FATIMAH BINTI BAKRI
NOOR ANITA BINTI AB SAMAD

NOOR AZAH BINTI ABDUL AZIZ
NORAINI BINTI WAHAB
NORHAZLINDA BINTI YASIM
ROSMAINI BINTI ABDUL GHANI
SURIFAH BINTI YAHYA
ZAITON BINTI SALLEH
ZURAIDA BINTI ABDUL MANAS

SARJANA MUDA SYARIAH DAN KEHAKIMAN DENGAN KEPUJIAN

KELAS PERTAMA

LUKMANUL HAKIM BIN HAJI HANAFI
NORLIZAWATY BINTI TUMIN
NURUL HANAN BINTI HASAN

KELAS KEDUA BAHAGIAN ATAS

AHMAD SIRAJUL HALIMI BIN AB WAHAB
AINALIDA BINTI MOHD ABIDIN
BAHRAN BIN TIHI
FARIDAH BINTI AB GHANI
FATIMAHZURIATI BINTI KASSIM
HADZRUL FADILLAH BIN PERLIN
HAKIMI BIN MD SAID
KUSAIRI BIN JAWAWI
MAHANI BINTI MOHD SHARIF
MAZIYANA BINTI MANAF
MAZNAH BINTI MOHAMED
MOHAMAD HELMI BIN MIAN
MOHD FAISOL BIN PALAL
MOHD NAZAR BIN MOHAMAD ZAIK
MUHAMAD SAFRI BIN IBRAHIM
MUSULNAL BINTI MOHAMMAD
NASARIAH BINTI NAWAWI
NOORSUHADA BINTI SIRMOM
NOR FATIHAH BINTI ABDULLAH
NOR HALIJAH BINTI HAMZAH
NORAINIE BINTI AB RAHMAN
NOREZAN BINTI ADNAN
NORHAYATI BINTI AHMID
NORIDAH BINTI MAMAT
NORIZA BINTI ABDULLAH

NORRAFIZAN BINTI AZIZAN
NORSUHAILA BINTI ASNAWI
NORULAFIDA BINTI ELIES
NURUL AIDA BINTI ZAKARIA
NURUL AKMAR BINTI NASAR
NURUL KAUTHAR BINTI RAMLI @ RAMBUN
ROSHAIDA BINTI ABDUL HAMID @ SALLEHUDIN
ROSNANI BINTI DERISS
SAFINAH BINTI MD SAID
SHARALIZA BINTI TALIM
SHARIPAH BINTI IBRAHIM
SHAZALINA BINTI SAHIDAN
SITI AZRAA BINTI SALLEH
SITI ESHAH BINTI MOHD NOOR
SITI HAJAR BINTI ABDUL RAHMAN
SITI KHALIMATUN SAADIAH BINTI BASRI
SOFWATIN BINTI SULAIMAN
SUHAIZA BINTI JUSOH
SUHANIAH BINTI SUALMAN
SURIANTI BINTI ENCHE IBRAHIM
USMAN BIN SHARIP
WAN MOHD FAKHRUDIN BIN WAN YUSSOF
YAHYA BIN YUSOF
ZAITON BINTI ISMAIL
ZURIYATI BINTI ABDUL RAZAK

KELAS KEDUA BAHAGIAN BAWAH

ABIDAH BINTI ABD GHANI
ADILAH BINTI MOHD ARIFIN
AFANDI BIN CHE ALI
AHMAD FAKRUDDIN BIN MAT DAUD
AINOL ASNI BINTI AHMAD
AMINORAH BT MOHAMED

ATIFAH BINTI MOHAMMAD SHAARI
CHE NUR ILYANI BINTI YUSOF
CHE ZURAINI BINTI ISMAIL
CIK HASNAH BINTI CHE SENIK
FADHILAH BINTI GHAZALI
FADZILAH BINTI MOHD SHARIF

FADZILAWATEY BT MAT NASSAN
FARAH BINTI KHASIM
FARIDAH BINTI YUSOFF
HAMIDAH BINTI AHMAD
HAPISAH BINTI JALI
HARIYANTI BINTI ABD HAMID
HARMIEYANTI HARIMIN
HASLIZA BINTI MAT LEH
HASMUNI BINTI HUSSIN
HASNITA BINTI AHMAD
IMRA BINTI IBRAHIM
KAMALIAH BINTI ABDUL ALIM
KHAMISIAH BINTI MAMAT
MARIANA BINTI KAMAROHZAMAN
MARIANA BINTI MOHAMAD
MASHITAH BINTI ABDUL MAJID
MASLINDA BINTI MOHAMAD
MASYITAH BT KHALIB
MAZLIZAN BT ABDULLAH
MD ZAMRI BIN OMAR @ YAAKOB
MD SUHAIMI BIN ABD WAHAB
MOHAMAD SHAHIDAN BIN AHMAD
MOHD FAIZUL BIN MOHD BADRI
MOHD HAIRUDDIN NIZAM BIN KAMARUDDIN
MOHD KHAIRI BIN SHAFEI
MOHD MAKHFOZ BIN BORHAM
MOHD SAYUTI BIN JAAFAR
MOHD SHAHRIL BIN FADZIL
MOHD YUKI BIN SHAMSUDDIN
MOHD ZAID BIN HUSAIN
MUHAMAD ZAKI BIN ZAINUN
NIK NORHAFIZAH BINTI MOHAMED
NOOR ASMIDAR BINTI HUSAIN
NOORALIZAH BINTI PAIRIN
NOORHAFIZA BINTI AHMAD
NOR ASIAH BINTI NAWANG
NOR AZURA BT KARNO
NOR FAUZIAH BINTI EBEH
NORAFIZAH BINTI YUSOF
NORAINI BINTI ISMAIL
NORANIZA BINTI ABDUL RANI
NORAZLINA BINTI HASSAN
NORHAYATI BINTI MELIANUS RUSAK
NORHAYATI BINTI MOHD ZIN
NORHAYATI BT MAT NOR

NORIMI BINTI HASHIM
NUR HIFZAN BINTI ZAINAL ABIDIN
NURAZMA BT MELI
NURUL HANISHAH BINTI IBRAHIM
RAHIMAH BINTI ASLI
RAHIMAH BINTI ISMAIL
RAHMAM BINTI ABU SEMAN
RAJA NOOR RAZILAH BINTI RAJA JAAFAR
RAJAI BIN RAHIMAN
ROHAINI BINTI MOHD BASRI
ROHANA BT AB RAHMAN
RORIZIAH BINTI ABDUL RAHMAN
ROSLIANI BINTI CHIK
ROSMALIZA BT ISMAIL
ROTIDAH BINTI MAHAMAD
ROZALIANA BINTI NORDIN
ROZILAWATI BINTI ABDUL RAHMAN
RUHIL HAYATI BINTI ISMAIL
SAPIAH BINTI ABU KASSIM
SHAHIDAH BINTI SALLEH
SHAIFUL ANUAR BIN AB RAHMAN
SHAIFUL BAHRI BIN SULAIMAN
SITI ASMAH BT ISMAIL
SITI FATIMADIYANA BINTI BAHARUDDIN
SITI NOORSUHADA BINTI CHE DAUD
SITI NORHAFIZAH BINTI MUHD NOR
SITI NORHANA BINTI SURAJI
SITI SALHIDA BINTI ZAKARIA
SITI SURIATY BINTI SULAIMAN
SITI ZAHARAH BT MAT ALI
SRI IDAYU BINTI MANAP
SUHAILA BINTI MOHAMAD YUSOP
SURIATI BINTI ZAKARIA
SURYANA BT MOHD NAWI @ HASSAN
SUZIANA BINTI MUHAMMAD
SUZILA BINTI AHMAD TAJUDIN
TUAN LAISALMA BINTI TUAN MAT
TUAN PAZILAWATI BINTI TUAN KOB
WAN ASMA AUZANI BINTI WAN MD DIN
WAN MUNIRA BINTI WAN MUDA
WAN NOR KARTINI BINTI WAN NAMAN
ZAHIDAH BINTI MUSTAFFA
ZALINA BINTI DERAMAN
ZURAIDA BINTI MOHD DAUD
ZURAIDAH BINTI AZIZAN

KELAS KETIGA

AZLINA BINTI MD ZAIN
MAIZATULASMAH BINTI RAMLI
MANIHAN BINTI DERIS
MOHD NASIR BIN DAUD
NAZIROH BINTI AZIZ
NIK MOHD SHAHRIL IRWAN BIN MAT YUSOF

NOORBAYA BINTI MUHAMAD
NURULHIDAYAH BINTI ZAKARIA
ROHAYA BINTI ABDULLAH PAKRI
SALWANI BINTI ABDULLAH
SITI RADIAH BINTI MOHD NURI
SUHABIBI BINTI ZAINAL ABIDIN

SARJANA MUDA PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH DENGAN KEPUJIAN

KELAS PERTAMA

NOORMA BINTI MAMAT
ROHANI BINTI KAMIS
RUZIHA BINTI MAMAT

KELAS KEDUA BAHAGIAN ATAS

ADILAH BT AHMAD
AHMAD HUSNI BIN DOLLAH
AHMAD LUTFI BIN ABDULLAH
AHMAD TAMIZI BIN AHMAD
ASIMAH BINTI ABDULLAH
AZLINA BINTI AHMAD
AZMAN BIN ABD WAHAB
ELIYANI HAFIZA BINTI NYONA
HAFIZAH BINTI HARON
HAMIDAH BINTI NAPIAH
HASNANI BINTI RASNIN
HAYATI BINTI HUSSIN
HIRDARUS BANI BINTI RAMBELY
KASLINA BINTI KAMALUDIN
KASNITA BINTI KAMALUDIN
KHUZAIMAH BINTI ABDUL RAHMAN
MARZIATI BINTI ZOLKALFLI
MASHITAH BINTI HAMID
MASITAH BINTI ABDUL RASHID
MOHAMAD ZAMANI BIN MOHAMAD MAIDIN
MOHAMMAD RIZAL BIN ABDUL MANAP
MOHD AZALI BIN ABDAN
MOHD RIZAL BIN BAKAR
MOHD TAUFIK BIN ISMAIL

MOHD ZAINI BIN ZAKARIA
NAIMAH BINTI MD YUSOF
NOR ASMAH BINTI ABDUL RAHMAN
NOR SYUKRIAH BINTI ISMAIL
NORBAITI BINTI MISKAN
NORLINA BINTI MD NOR
NORMALA BINTI RAMLI
NORZAMIRA BINTI ISHAK
NUZILA BINTI NOR
RADIYAH BINTI ISMAIL
RADZIAH BINTI YUSOF
ROSIYAH BINTI MUHAMMAD
ROSLIZA BINTI YA
ROZILA BINTI AHMAD
RUHANA BINTI ISMAIL
SARINA BINTI JAMALUDIN
SHARIFFAH BINTI MOHD SIDIK
SITI ANIS BINTI MOHD YUSOFF
SITI HANISAH BINTI MOHAMAD NOOR
SITI KASMAYATI BINTI YAHYA
SITI MASTURA BINTI MOHD ZAHID
SITI NORLIZA BINTI NGAH
SITI ZAHARAH BINTI RIFIN @ MAT RIFIN
SITI ZUBAIDAS BINTI IBRAHIM

SIZEAR BIN HASAN
SURITA BT HUSAIN
UMMU SALAMAH BINTI MISKAM
WAN NOOR DALILAH BINTI WAN ABAS
WAN SAFIAH BINTI W ISMAIL
WAN ZALINA BINTI WAN YAACOB

YUSNIZA BINTI MOHD YATIM
ZAINIAH BINTI MUSLIM
ZAKIRA BINTI MAT DAUD
ZARINA BINTI SANUSI
ZURAIDAH BINTI MOHD NAFIAH
ZURAIDAH BINTI MOHD ZIN

KELAS KEDUA BAHAGIAN BAWAH

AHMAD FATHAN BIN FARID
AISHAH BINTI AB RAZAK
AIZRA ROHAIZAD BINTI ABDULLAH
AMINAH BINTI MAMAT
ANISAH BINTI JAAFAR @ ISMAIL
ANNA SUZIANIE BINTI CHE AB KADIR
ANUAR BIN BAKAR
AZINI BINTI AB AZIZ
ELYZA BT AWANG MAT
FAIZ AZIZI BIN ALI
FARAH WAHIDA BINTI DARUS
FATIMAH BINTI AHMAD
HAMIZAH BT MAT LAZIM
HAMZINI BINTI AB HAMID
HANISAH BINTI HUSAIN
IDA ROHAYU BINTI MAT JUSOH
INSAN SOFIAH BINTI ISHAK
IRDAWATTY BINTI ISMAIL
IRNITA BINTI IDRIS
JAMIL BIN ABU BAKAR
MARINA BINTI RESDI
MARIYANI BINTI MAT YUSOF
MARLINA BINTI RAZALI
MOHD AFENDI BIN KARI
MOHD DZULKIFLY BIN MUSANIF
MOHD IZAN BIN MOHAMAD TASMIL
MUHISHAM BIN MOHAMED
MUNIRAH BINTI YUNUS
NAZARINA BINTI ABDULLAH
NIK NOORAIKAWANI BINTI NIK MOHAMOOD
NIK NOR HAYATI BINTI NIK HASSAN
NODI SULIYANA BINTI MAT DAUD
NOOR HASLIZA BINTI CHE HASSAN
NOOR SUZILAH BINTI SHARIF
NOR AZEDA BINTI HUSIN @ MOHD HUSSIN
NOR AZILAWATI BINTI YAAKUB

NOR FATIMAH BINTI ABDUL RAHMAN
NOR FAZLINA BT MAT JUSOH
NOR HAYATI BINTI IDRIS
NOR JANNAH BINTI MD SHAARANI
NOR MUHAITI BT MUHAMAD
NORAINI BINTI ABDUL RAHIM
NORASHIKIN BINTI NASIR
NORAZIZAH BINTI MD NAZIR
NORAZLIZAWATI BINTI BAKAR
NORFADZILAH BINTI ABD HADI
NORFARHANA @ NORZANA BINTI MAN
NORIANA BINTI MAHMAD NOR
NORIZA BINTI MAT IL @ MAT AIL
NORMADIANA BINTI ISMAIL
NORSYAHIDA BINTI MAHUSAIN
NORZAKIRA BINTI MUSTAPA
NUR ROZILA BINTI NAWI
RAFIDAH BINTI AWANG
RASYIDAH BINTI WAHAB
RAZAINI BINTI AZIB
REZAL BIN SAMSUDIN
ROHANI BINTI SALLEH
ROHAYATI BINTI ABDUL WAHAB
ROS PENAEY BINTI YUSOF
ROSAIDI BIN RAMELI
ROSHASLIZA BINTI CHE HUSIN
ROSMAWATE BINTI ISMAIL
ROSTANA BINTI SAAD
ROZANA BINTI RAHMAT
RUHANIZAN BINTI MOHAMAD NOR
RUSLAINI BINTI DAUD
RUZIEANA BINTI HASHIM
SAMSUL MAARIF BIN MOHAMED
SARAH BINTI MUHAMMAD
SARIFAH BINTI MD YUSOF
SARINA BINTI ABDUL GHANI

SHAHRUNNIZAM BIN ABDULLAH
SHARIFAH BT CHE SOH
SITI AMINAH BINTI ABDUL RAHMAN
SITI KHADIJAH BINTI HAMID
SITI MERIAM BINTI DERAHMAN
SITI RADZIAN BINTI AMER
SURINA BINTI MUHAMMAD
SYAHBUDIN BIN SAWAI
SYUIB BIN SAMAT
TENGGU NORASIAH BINTI RAJA ABDULLAH

KELAS KETIGA

MARZIANA BT MUHAMMAD
MOHD FAIZAL BIN RAMLAN
NOOR HASMAH BINTI ISMAIL
NOR FAIZAH BINTI KAMARUDIN
NOR HAYATI BINTI MUHAMAD

WAN AZIMAH BINTI WAN MOHAMAD
WAN NOR ASLILA BINTI MAT ZAIN
ZAKIAH BINTI ZAKARIA
ZAMSUHAILA BINTI ZAID
ZAWIAH BT MUHAMAD
ZUHANA BINTI ZAID
ZULKIFLI BIN AWANG
ZUNAIDA BINTI RAMLE
ZUNURAINI BINTI MOHD BAHARI

NORZALINA BT YUSOF
NURUNNAJWA BINTI MOHD ARIFIN @ RIFIN
SITI NOORHASMANAWIZA BINTI MOHD WI
ZAIMAH BINTI JUSOH
ZAINIYAH BINTI ZAINOL

PENERIMA ANUGERAH

ANUGERAH PELAJARAN DIRAJA

WAN MOHD FAZRUL AZDI BIN WAN RAZALI

ANUGERAH CANSELOR

RUZIHA BINTI MAMAT

PINGAT EMAS REKTOR

NORLIZAWATY BINTI TUMIN

HADIAH BUKU UNIVERSITI

WAN MOHD FAZRUL AZDI BIN WAN RAZALI
RUZIHA BINTI MAMAT
NORLIZAWATY BINTI TUMIN
NURUL HANAN BINTI HASAN
ROHANI BINTI KAMIS

HADIAH BUKU FAKULTI

Hadiah KFC Holdings Malaysia Berhad (Graduan terbaik bagi program Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian)

NORLIZAWATY BINTI TUMIN

Hadiah Salbiah Songket Sdn. Bhd. (Graduan terbaik bagi program Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian)

RUZIHA BINTI MAMAT

Hadiah YADIM (Graduan terbaik bagi program Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian)

WAN MOHD FAZRUL AZDI BIN WAN RAZALI

Hadiah Angsa Delima Sdn. Bhd. (Graduan terbaik dalam bidang ko kurikulum)

LUKMANUL HAKIM BIN HAJI HANAFI



Diterbitkan oleh:
Pejabat Pendaftar,
Kolej Universiti Islam Malaysia
<http://www.kuim.edu.my>

Susunatur & Percetakan oleh:
Bahagian Akademik, Kolej Universiti Islam Malaysia